



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FARM FRESH PRODUCTS AT PETROL STATIONS, EVENTS, STAR METRO -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	WANITA SELUDUP POKOK HIASAN RM102,900 DITAHAN, NASIONAL, BH -22	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	NELAYAN TIDAK PUAS HATI PAMPASAN HANYA RM20,000, NASIONAL, BH -24	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4. 5. 6. 7.	MOHON BINA SEGERA JAMBATAN GANTUNG, DALAM NEGERI, UM -30 COVID-19 DORONG SUAMI ISTERI USAHA CILI FERTIGASI, NASIONAL, BH -26 NELAYAN SUKAR TANGKAP IKAN, DALAM NEGERI, UM -30 BEKAS ATLET PARALIMPIK GIGIH TERNAK IKAN AIR TAWAR, DALAM NEGERI, UM -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Farm fresh products at petrol stations

Initiative in collaboration with two ministries to promote local produce at affordable prices

PETRONAS Dagangan Bhd (PDB) has launched Segar@Mesra – a farmer-to-consumer concept of locally farmed fresh poultry, fish, vegetables and fruits sold at affordable prices.

The collaboration with the Domestic Trade and Consumer Affairs as well as Agriculture and Food Industries ministries aims to assist local farmers by connecting them directly to consumers. This will also ensure the latter have easy access to affordable fresh produce that are currently capped at RM10 price point.

"This is a strategic collaboration between the two ministries that regulate the products and basic needs of the people and PDB which has direct access to the end consumer through its network of petrol stations and Kedai Mesra throughout the country," said Domestic Trade and Consumer

Affairs Minister Damik Seri Alexander Nanta Linggi at the launch of the campaign.

"I am confident that this will help to realise the ministry's vision of accelerating main domestic sectors and protecting consumer interest.

"Specifically, we hope to create a more efficient trade ecosystem for our local farmers and fishermen by shortening the supply chain to help boost their livelihoods while providing competitive pricing to better support the cost of living, especially amid the Covid-19 pandemic."

Nanta said through the Agriculture and Food Industries Ministry, three agencies would play a key role in ensuring the success of Segar@Mesra, namely National Farmers Organisation (Nafas), National Fishermen's Association (Nekmat) and Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

"Nafas will supply freshly packed

premium chicken, obtained from farmers in Johor and bred through contract farming.

"Nekmat will supply a range of fish, which is frozen at its facility in Kuala Kedah.

"Fama will be supplying fresh local vegetables and fruits sourced from Selangor, Negri Sembilan and Pahang, where items will be delivered to Kedai Mesra every three days to ensure freshness," he explained.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said, "it has always been the ministry's priority to continuously look for ways to enhance the livelihood of our farmers.

"We deem this a great platform for them to expand their reach while showcasing the quality of local produce and encouraging consumers to buy local.

"Currently, some 40 farmers are



The Segar@Mesra campaign aims to assist local farmers by connecting them directly to consumers.

benefiting from this initiative and we expect to widen our reach as Segar@Mesra expands.

"The ministry will also assist the agencies by funding the necessary equipment at Kedai Mesra, such as chillers, freezers and promotional cost, if any," he added.

For the pilot phase, Segar@Mesra will be made available at four Petronas stations at Unkeb 2, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, Persiaran Jaya/Sg Ramal Dalam, Prima Saujana 2, Kajang and Pelangi Semenyih.

These stations are chosen based on the surrounding community

profiling mainly targeting the M40 and B40 groups.

"At Petronas, we are committed to generating a positive social impact as part of our sustainability agenda," said Petronas downstream marketing vice-president Ahmad Adly Alias.

To encourage support for Segar@Mesra items, the first 10,000 customers will be able to enjoy a cashback of RM2 with a minimum purchase of RM20 worth of Segar@Mesra items through the Setel app until Jan 31.

For details, visit www.mymesra.com.my

Wanita seludup pokok hiasan RM102,900 ditahan



Pokok hiasan yang dirampas anggota PGA9 ketika intipan di pangkalan haram Jeram Perdah, Pasir Mas, kelmarin.

Pasir Mas: Anggota Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA9) menahan seorang wanita dipercayai menyeludup pokok hiasan bernilai RM102,900 di pangkalan haram Jeram Perdah, di sini, kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA9, Superintenden Nor Azizan Yusof, berkata ketika kejadian jam 7.30 malam, anggota bertugas membuat rondaan sebelum terserempak pikap Ford Ranger berwarna hitam dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, intipan dilakukan selama 30 minit dan pihaknya mengekori kenderaan terbabit yang mendekati bahagian tebing sungai sebelum mengesan sebuah perahu dari Thailand mendekati kenderaan itu.

"Kemudian, sekumpulan lelaki memungkah beg plastik daripada perahu ke dalam kenderaan berkenaan dan anggota bertugas bertindak menghampiri mereka.

"Bagaimanapun, kumpulan lelaki ini melarikan diri dengan menaiki perahu ke seberang sea baik menyedari kehadiran anggota bertugas dan meninggalkan pemandu wanita berusia 46 tahun bersendirian di pikap itu.

"Selepas memperkenankan diri, anggota polis meminta wanita yang juga warganegara tempatan mengemukakan kad pengenalan sebelum membuat pemeriksaan kenderaan terbabit," katanya.

Nor Azizan berkata, hasil pemeriksaan pihaknya menemui bungkusan plastik biru yang me-

ngandung pokok hiasan diseludup dari Thailand dipercayai untuk pasaran tempatan dan luar-Kelantan.

"Wanita terbabit ditahan, manakala pikap dan barangan dirampas untuk dibawa ke Balai Polis Jeram Perdah bagi siasatan lanjut, selain turut menyerahkan kes kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta MAQIS 2011.

"Tindakan berani suspek adalah sesuatu di luar jangkaan kerana bukan saja terbabit dengan penyeludupan, malah ia dilakukan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa," katanya.

Projek tambakan laut

Nelayan tidak puas hati pampasan hanya RM20,000

Pen Mutiara tetap bantah projek kerajaan Pulau Pinang

Georgetown: Nelayan yang terjejas dengan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang di Gertak Sanggul, Teluk Kumbang, di sini mendakwa pampasan berjumlah RM20,000 yang ingin diberikan kerajaan negeri kepada mereka, tidak setimpal dengan projek bertaraf mega bakal dibangunkan di kawasan itu. Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara), Mahadi Md Rodzi, berkata nilai pampasan yang dicadangkan terlalu sedikit jika dibandingkan dengan jumlah projek hendak dibangunkan, selain faktor kehilangan pendapatan nelayan yang dilihat akan kekal.

"Pampasan RM20,000 amat tidak logik dengan cadangan bayaran pula ada yang tidak di-

bayar sepenuhnya. Bayaran kepada nelayan di kawasan paling dekat dengan pulau A, iaitu Permatang Damar Laut akan dibayar dulu sebanyak 75 peratus, manakala bakinya dicadangkan RM800 setahun.

"Bagi nelayan di Sungai Batu dan Gertak Sanggul (nelayan di bawah kategori A) pula dibayar 25 peratus daripada jumlah pampasan, manakala nelayan bagi kategori B hanya RM4,000 dan dicadangkan dibayar secara sekali bayaran serta tiada cadangan pampasan kepada nelayan di seluruh negeri yang diletakkan di bawah kategori C," katanya.

Mahadi berkata, persatuan itu sehingga kini tetap dengan pendirian mereka, iaitu membantah cadangan projek terbabit.

Mengenai beberapa pakej lain yang dijangka diberikan kerajaan negeri antaranya seperti pembinaan jeti baharu, koperasi nelayan, skim tuisyen dan pendidikan untuk anak-anak, skim latihan untuk nelayan serta peluang pekerjaan bagi mereka yang layak, Mahadi berkata, ia



Nilai pampasan dicadangkan terlalu sedikit jika dibandingkan dengan jumlah projek hendak dibangunkan, selain faktor kehilangan pendapatan nelayan yang dilihat akan kekal.

Mahadi Md Rodzi,
Pengerusi Pen Mutiara

dilihat tidak mampu meyakinkan nelayan.

"Kita sedia maklum peruntukan kerajaan untuk jeti selama ini tidak pernah putus diterima, manakala koperasi juga tidak perlu kerana majoriti nelayan menjadi ahli persatuan nelayan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 1971.

"Latihan apa yang hendak diberikan kepada nelayan? Peluang

pekerjaan apa yang ada. Adakah nelayan perlu beralih ke bidang lain?," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, berkata sumbangan tunai itu adalah sebahagian daripada pakej untuk meningkatkan taraf hidup nelayan di kawasan berkenaan yang akan diumumkan pada Khamis ini.

Di bawah projek PSR, kerajaan negeri mencadangkan projek pembangunan menebus guna kawasan laut seluas 1,821 hektar, termasuk pembinaan tiga pulau buatan di kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sehingga ke perairan Permatang Damar Laut.

Projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) bernilai RM46 bilion itu turut membabitkan pembinaan terowong bawah laut menghubungkan pulau dan tanah besar, lebuhraya, LRT, monorail serta jaringan bas menyeluruh di antara bahagian pulau dan Seberang Prai.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Mohon bina segera jambatan gantung



SITI Rokiah Hamzah menunjukkan jambatan gantung di Kampung Pagar merentasi Sungai Lipis yang runtuh dalam banjir melanda besar di Lipis, Pahang.

LIPIS: Jambatan gantung yang menghubungkan Kampung Pagar lama dengan penempatan baharu Kampung Pagar Penjom runtuh akibat banjir besar melanda kawasan itu minggu lalu.

Seorang penduduk, Siti Rokiah Hamzah, 52, berkata, jambatan gantung sepanjang 100 meter merentasi Sungai Lipis itu menjadi laluan utama penduduk ke projek pertanian di kawasan berkenaan.

Menurutnya, Kampung Pagar lama merupakan penempatan asal penduduk sejak zaman berzaman tetapi mereka berpindah ke kawasan baharu kerana kawasan itu rendah dan sering banjir.

“Kini kawasan seluas lebih 50 hektar menjadi kawasan per-

tanian yang ditanam pelbagai pokok seperti durian musang king dan temakan lembu dan kambing.

“Untuk ke lokasi itu (kawasan pertanian), penduduk perlu menggunakan jambatan gantung yang runtuh ini yang dibina sejak awal 1980-an lagi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Siti Rokiah merayu kerajaan negeri supaya menyegerakan pembinaan semula jambatan gantung itu bagi membolehkan lebih 50 ketua isi rumah menjalankan aktiviti ekonomi di situ. “Lokasi jambatan gantung ini bersebelahan bangkai kapal berusia lebih 200 tahun yang ditemukan di kampung ini,” katanya.

COVID-19 dorong suami isteri usaha cili fertigasi

Melabur hampir RM40,000 guna kaedah penanaman atas para

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Masjid Tanah: Penderita COVID-19 sejak Mac tahun lalu mendorong suami isteri pengusaha barangan hadiah memajukan sektor penanaman cili merah melalui kaedah fertigasi di atas para.

Berikutan pandemik yang masih belum reda, Ady Irwan Samuddin, 36, dan Norhidayah Naim, 33, nekad melabur hampir RM40,000 untuk merealisasikan impian menjadi usahawan tani berjaya dalam penghasilan cili merah.

Ady Irwan berkata, berdasarkan bimbingan beberapa rakan yang sudah berjaya dalam sektor itu, beliau dan isteri memajak tanah kakaknya seluas kira-kira

0.1 hektar di Kampung Paya Lebar, Lubok Cina di sini untuk memulakan pembinaan para diperbuat daripada besi T Section.

"Besi itu memerlukan kos tinggi tetapi berbaloi kerana ia tidak mudah karat dan tidak perlu diselenggara untuk jangka panjang berbanding jika menggunakan besi konvensional.

"Para setinggi satu meter mampu mengelakkan serangan bahut atau serangga dalam tanah dan buat permulaan kami menghusahkan cili merah dalam 1,800 beg poli," katanya ketika ditemui di kebunnya, semalam.

Beliau berkata, sistem pengendalian air dari tangki ke beg poli mengikut waktu ditetapkan, mampu memastikan sabut dalam beg poli sentiasa basah, sekali gus



Ady Irwan menanam cili merah secara fertigasi di atas para, di Kampung Paya Lebar, Lubok Cina Masjid Tanah. (Foto Hassan Omar/BH)

merah yang dijangka matang dalam tempoh dua bulan lagi berbanding kaedah penanaman di atas tanah.

"Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan perniagaan kami terjejas, tetapi kami tidak mudah putus semangat, sebaliknya kami memanfaatkan segala sumber yang ada untuk memulakan projek penanaman cili," katanya.

Norhidayah berkata, beliau dan suami bernaib baik kerana membuat simpanan sepanjangan operasi belum ini dan ia dimanfaatkan ketika perniagaan menghadapi cabaran hebat akibat pandemik COVID-19.

"Kami berharap projek ini berjaya dan mampu memberikan peluang pekerjaan sampingan kepada penduduk sekitar kawasan ini untuk membantu kami menilik cili kelak.

"Walaupun memerlukan kos tinggi, kami memberanikan diri menempuh cabaran kerana sektor penghasilan cili tidak pernah menghadapi masalah pemasaran dan jika ada pun, mungkin disebabkan lebihan penawaran," katanya.

Sehubungan itu, mereka bercadang mendapatkan bantuan suntikan modal daripada agensi kerajaan atau institusi kewangan bagi mengembangkan industri penanaman cili pada masa depan.

Kapal besar makin banyak berlabuh di Port Dickson membimbangkan

Nelayan sukar tangkap ikan

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulla.com.my

PORT DICKSON: Peningkatan jumlah kapal berlabuh di kawasan perairan Port Dickson sejak kebelakangan ini mendatangkan keresahan dalam kalangan nelayan termasuk di kawasan Telok Kemang.

Pengerusi Persatuan Nelayan Telok Kemang, Md. Isa Johar berkata, pertambahan kapal dagang yang berlabuh terutama yang berdekatan dengan perairan Telok Pelanduk dan Kuala Linggi, Melaka memberikan risiko kepada nelayan-nelayan pinggir pantai yang mencari rezeki.

"Kapal-kapal dagang ini berlabuh begitu hampir dengan pantai, memang ia agak memberi risiko kepada nelayan terutama pada waktu malam termasuk bot nelayan dilanggar oleh kapal-kapal ini.

"Satu lagi masalah ada jaring-jaring hanyut yang dipasang oleh nelayan juga habis rosak dilanggar kapal-kapal ini. Memang ia merugikan para nelayan, malah saya difahamkan nelayan di Melaka juga sering menghadapi masalah yang sama," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini, semalam.

Tambah Md. Isa, pihaknya ada mengadakan masalah tersebut termasuk kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ling-



MD. ISA JOHAR (Kiri) menunjukkan deretan kapal dagang yang berlabuh di perairan Port Dickson dan bersempadan dengan Kuala Linggi, Melaka yang menjejaskan aktiviti nelayan ketika ditemui Utusan Malaysia di Tanjung Agas, Port Dickson, semalam. - **UTUSAN/MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE**

gi, Datuk Abdul Rahman Mohd. Redza dan tidak lama selepas itu mendapati kapal-kapal teribat berganjak sedikit ke tengah.

"Saya sendiri tidak pasti apa sebab kapal-kapal ini menjadi kan perairan di sini menjadi tempat mereka berlabuh malah kadang-kadang bukan sahaja kapal dagang, kapal peranginan juga ada yang berlabuh di sini.

"Kami ada buat aduan ke pada wakil rakyat dan pihak berkuasa, selepas aduan saya

lihat ada kapal yang bergerak ke tengah namun tidak lama kemudian ada kapal menghimpit dan menghampiri ke pantai," katanya.

Sementara itu, seorang nelayan, Zulizat Yakin, 40, berkata, pendapatan nelayan juga terjejas ekoran kapal-kapal dagang menjadikan perairan tersebut sebagai tempat berlabuh.

"Apabila jaring hanyut rosak dilanggar kapal-kapal ini sudah tentulah tipis untuk kami

mendapatkan hasil laut malah kami juga terpaksa menanggung kerugian jaring yang rosak tersebut.

"Semua kapal-kapal ini bukannya kapal kontena tapi sebaliknya kapal dagang membawa banyak.

"Kami bimbang kehadiran kapal-kapal ini membawa masalah lain pula seperti pencemaran akibat tumpahan minyak dan sebagainya, siapa yang tahu," katanya.

18/1/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

13



RAHIM Yusoff kini mencari rezeki dengan memelihara ikan air tawar di dalam gelung simen di Kampung Bukit Pangkal Gong, Machang.

Bekas atlet paralimpik gigih ternak ikan air tawar

Oleh **BAHRUDDIN HATTA**
utusannews@mediamulia.com.my

MACHANG: Tanpa kedua-dua belah tangan, bekas atlet paralimpik negara, Rahim Yusoff tetap ligat mencari rezeki untuk keluarga dengan cara memelihara ikan air tawar di dalam gelung simen di Kampung Bukit Pangkal Gong, di sini.

Rahim, 54, sebelum ini pernah mengharumkan nama negara apabila meraih pingat emas dalam acara lompat tinggi ketika temasya Sukan Para Asia di Hanoi, Vietnam pada 2004.

Kata Rahim, dia terpaksa mencari sumber rezeki lain untuk menyara isteri dan tiga anak perempuan berusia lapan hingga 17 tahun ini selepas pendapatannya sebagai tukang jahit merosot teruk sejak negara dilanda pandemik Covid-19.

Isterinya Noraidah Hamzah, 46, yang lumpuh selepas melahirkan anak bongsu mereka pula membantu menambah pendapatan keluarga dengan cara membuat telur masin di rumah.

"Saya melihat gelung simen terbiar sahaja di tepi rumah dan terfikir untuk memanfaatkannya dengan cara memelihara ikan air tawar.

"Pada peringkat awal, saya membeli sebanyak 1,000 ekor anak ikan keli dengan modal RM300 pada November lalu. Dalam tempoh dua bulan, ikan



RAHIM Yusoff memelihara ikan air tawar di dalam gelung simen.

ternakan saya sudah boleh dijual," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di rumahnya di sini hari ini.

Selepas melihat potensi kerjaya baharunya itu, Rahim menambah dua jenis ikan lagi, iaitu ikan tilapia merah dan ikan haruan untuk dimeramaikan dalam gelung simen itu.

Usaha Rahim mendapat perhatian Kelantan Biotech dan Persatuan Pertanian Kelantan (Alami) yang menyarakannya supaya menanam sayur secara

aquaponik, iaitu menggunakan najis ikan sebagai baja tumbuhan.

"Diharap golongan OKU lain dapat menjadikan usaha saya ini sebagai inspirasi untuk memajukan diri dan berdikari tanpa mengharapkan bantuan meskipun kekurangan dalam aspek fizikal," katanya.

Selain memelihara ikan di dalam gelung simen, Rahim juga memelihara lembu dan kambing biri-biri sebagai pendapatan sampingan.